

## Pendekatan Alternatif dalam Penilaian Hadis: Satu Analisis Tinjauan Literatur Sistematik (SLR)

*Alternative Approaches in Evaluation of Hadith: An Analysis Systematic Literature Review (SLR)*

**Yuniar Indra Yahya,<sup>1\*</sup> Anisa Khoiril Fadila,<sup>2</sup> Amrulloh<sup>3</sup>**

<sup>1,2</sup>Ma'had Aly Hasyim Asy'ari Tebuireng Jombang, Jawa Timur 61471, Indonesia

<sup>3</sup>Universitas Pesantren Tinggi Darul Ulum Jombang, Jawa Timur 61481, Indonesia

\*Corresponding author: [indrayahya28@gmail.com](mailto:indrayahya28@gmail.com)

Received: 09 May 2024; Accepted: 11 November 2024; Published: 17 October 2024

**To cite this article (APA):** Indra Yahya, Y., Fadila, A. K., & Amrulloh, A. (2024). Alternative Approaches in Evaluation of Hadith: An Analysis Systematic Literature Review (SLR). *AL-MAKRIFAH Journal of Knowledge and Learning in Islamic Tradition and Culture*, 2(2), 72–85. <https://doi.org/10.37134/almakrifah.vol2.2.6.2024>

### Abstrak

Kepasifan dalam penilaian hadis boleh diatasi dengan menggunakan pelbagai pendekatan interdisiplin sebagai kaedah penilaian. Ini akan menghasilkan perkembangan pengetahuan tentang hadis, terutamanya dalam bidang penilaian hadis serta melalui pendekatan yang berbeza. Oleh itu, kajian ini akan menghuraikan tiga pendekatan dalam menilai kesahihan hadis iaitu pertama, pendekatan ahli fiqh (*fuqahā'*). Manakala, pendekatan kedua ialah melalui pendekatan sejarah dan ketiga, pendekatan saintifik-rasional. Melalui kajian literatur, penyelidikan ini memaparkan tiga topik tersebut berdasarkan pemerhatian yang dibuat dalam kajian-kajian relevan, buku-buku dan karya para ulama yang berkaitan dengan topik perbincangan ini. Ahli fiqh hanya melihat hadis sebagai sebahagian daripada undang-undang Islam (syariah). Oleh itu, penilaian mereka terhadap hadis hanya menghasilkan dua kesimpulan: *maqbūl*, yang bermaksud boleh diamalkan (*ma'mul bih*) dan *mardūd*, yang bermaksud tidak boleh diamalkan. Selain itu, perbezaan dalam penilaian ahli fiqh terhadap kebolehpercayaan perawi ('*adālah al-ruwāh*) dianggap lebih toleran daripada kriteria yang digunakan oleh sarjana hadis. Selain itu, untuk menilai kesahihan hadis, para ulama juga melibatkan pendekatan sejarah. Misalnya, ini dilakukan oleh Jonathan Brown melalui metod tiga tingkat atau seperti yang dilakukan oleh Sādah al-Ghumariyyīn melalui analisis kritikal serta perbandingan teks klasik. Selain itu, al-Idlibi menawarkan pendekatan saintifik-rasional untuk menilai kesahihan hadis. Kesimpulannya, pendekatan ahli fiqh, pendekatan sejarah dan pendekatan saintifik-rasional telah menyumbang kepada penilaian kesahihan hadis seterusnya memperkaya bidang hadis dengan metodologi yang pelbagai.

**Kata Kunci:** Penilaian Hadis, Tinjauan Literatur Sistematik, Saintifik-Rasional, Pendekatan Interdisiplin

## Abstract

The stagnation of hadith evaluation can be overcome by various interdisciplinary approaches as its critical method. It would expand the knowledge of hadith, particularly in the field of hadith criticism, by applying different approaches. Therefore, this study will describe three approaches in assessing the authenticity of hadith: firstly, the approach of jurists (*fuqahā'*); secondly, through the historical approach; and thirdly, the scientific-rational approach. Through a literature review, this research will present these three topics based on observations made on relevant studies, books and works by scholars related to the topic of discussion. Jurists (*fuqahā'*) only view hadith as part of the Islamic law (shariah). Thus, their evaluation of a hadith leads to only two conclusions: *maqbūl*, which means it can be practised (*ma'mul bih*) and *mardūd*, which cannot be practised. Moreover, the differences in the jurists' evaluation of the reliability of narrators ('*adālah al-ruwāh*) are considered more tolerant than the criteria used by hadith scholars. Furthermore, scholars also involve a historical approach to assess the authenticity of a hadith. For example, this is done by Jonathan Brown with his three-tiered method or by Sādah al-Ghumariyyīn through critical analysis and comparison of classical texts. Besides, al-Idlibi offers the scientific-rational approach to evaluate the authenticity of hadith. In conclusion, these three approaches, which are the jurist's approach, the historical approach and the scientific-rational approach, contribute to assessing the authenticity of hadith, thus enriching the field of hadith criticism with diverse methodologies.

**Keywords:** Evaluation of Hadith, Systematic Literature Review, Scientific-Rational, Interdisciplinary Approach

## Pendahuluan

Bagi menilai hadis, sarjana Muslim menggunakan metodologi yang telah didokumentasikan dalam karya literatur klasik. Ini diperlukan untuk menilai keaslian teks hadis dan menentukan sama ada ia boleh digunakan sebagai hujah di dalam agama atau sebaliknya. Melalui penilaian, sesebuah hadis dapat dinilai bahkan diklasifikasikan mengikut kriteria tertentu. Sebagai contoh, hadis dikategorikan sebagai *marfū'*, *mauqūf* dan *maqtū'* berdasarkan keaslian sumbernya (Nasution, Mahesa & Dalimunthe, 2023). Hadis juga boleh diklasifikasikan sebagai *sahīh* (sahih), *ḥasan* atau *da'īf* (lemah) berdasarkan kualitinya (Tambak & Khairani, 2023).

Penilaian terhadap hadis telah menarik perhatian para ulama kerana terdapat indikasi pemalsuan dan penyelewengan, terutamanya ketika pengaruh ideologi *al-Syu'ubiyyah* (sentimen anti-Arab) yang berlaku dari abad kedua hingga abad ketiga Hijrah. Ini dikesan apabila terdapat pemalsuan beberapa hadis yang mencela bangsa Arab. Sebagai contoh, perkataan Nabi s.a.w yang menyebut orang bukan Arab dengan menyatakan: “*Aku lebih mempercayai mereka (orang bukan Arab) daripada kalian (orang Arab)*.” Selain itu, terdapat juga kumpulan yang fanatik terhadap keunggulan Arab dengan mencipta hadis palsu untuk menyokong kecenderungan suku mereka seperti: “*Bangsa Arab adalah pemimpin bagi semua orang bukan Arab*” (Maulana, Muhid & Nurita, 2023).

Penyampaian hadis pada masa itu lebih cenderung bersifat lisan berbanding kaedah secara bertulis. Ulama di zaman tersebut terutamanya pada abad kedua Hijrah, menganggap pentingnya untuk melakukan kodifikasi hadis. Langkah-langkah awal bagu tindakan tersebut direkodkan dalam sejarah apabila khalifah Umar Abdul Aziz memerintahkan Muhammad Ibn Hazm dan Muhammad Ibn Syihab al-Zuhri untuk melakukannya pada akhir abad kedua Hijrah.

Beberapa hasil yang menonjol daripada usaha kodifikasi ini adalah kitab *al-Muwatṭa'* oleh Imam Malik bin Anas, *Musnad al-Syāfi'i* oleh Imam al-Shafi'i, dan kitab *al-Sīrah al-Nabawiyah* oleh Ibn Ishaq. Seterusnya, pada abad ketiga Hijrah terdapat penyusunan hadis secara sistematik dalam bentuk *musnad* (dihimpunkan secara sistematik berdasarkan riwayat para sahabat), *sahīh* (kumpulan tematik hadis-hadis yang sahih) dan *sunan* (kumpulan tematik) (R. Maulana, 2023).

Walau bagaimanapun, dalam menilai hadis tersebut para ulama sering kali mempunyai pendapat yang berbeza. Sebagai contoh, terdapat perbezaan penilaian terhadap hadis yang terdapat dalam kitab *Bulūgh al-Marām* mengenai, iaitu:

عن علي رضي الله عنه قال: (كان رسول الله صلى الله عليه وسلم يُقرئنا القرآن ما لم يكن جنباً) رواه  
أحمد، والأربعة، وهذا لفظ الترمذى، وحسنه، وصححه ابن حبان

Hadis ini dianggap *hasan* (baik) oleh Imam al-Turmudzi tetapi dianggap *sahīh* oleh Ibn Hibban. Selain itu, terdapat hadis mengenai seseorang yang terluka dalam pertempuran kemudian beliau berjunub dan bimbang jika mati kerana melaksanakan mandi wajib. Lantas, mereka dibenarkan untuk melakukan tayamum (bersuci dengan debu). Hadis ini dianggap *mauquf* oleh al-Daraquthni, dianggap *marfū'* oleh al-Bazzar dan dikategorikan *sahīh* oleh Ibn Khuzaimah dan al-Hakim. Perbezaan tersebut timbul disebabkan wujud kepelbagaiannya persepsi terhadap ciri-ciri ketulenan sesuatu hadis. Salah satunya adalah penilaian terhadap kualiti '*adālah al-ruwāh* (ketelusan para perawi).

Selain itu, kaedah penilaian terhadap hadis mendapat perhatian daripada golongan orientalis setelah abad pertengahan. Mereka menganggap banyak hadis mengandungi unsur anakronisme dengan menggunakan pendekatan penilaian sejarah (*historical critical method*). Al-Idlibi telah membuat suatu penilaian terhadap kandungan hadis dengan menggunakan kaedah *syāz* dan sebab-sebab yang mendasari '*illah* dalam hadis tersebut. Untuk menguji kualiti kandungan hadis, beliau membandingkannya dengan al-Quran, sirah nabawiyah, kesesuaian sejarah dan rasionaliti (Khusein, 2023).

Apabila mengkaji pemikiran sarjana Orientalis atau intelektual Muslim kontemporari, terdapat beberapa pendekatan interdisiplin dalam penilaian terhadap hadis. Ini termasuk pendekatan sejarah, rasional, linguistik dan sosio-budaya. Kajian terkini juga menunjukkan bahawa penyelidik-penyeledik telah menggunakan pendekatan interdisiplin dalam penilaian dan pemahaman terhadap hadis. Sebagai contoh, *Babul Ulum* menawarkan pendekatan *abductive* untuk mengatasi keadaan statik dalam metodologi ilmu hadis dengan paradigma interdisiplin. Beliau menyebutnya sebagai kajian hadis *revisionis* (Ulum, 2022). Selain itu, Jonathan Brown juga menyediakan kaedah penilaian hadis yang dikenali sebagai *Three Tiered Method*. Brown merangkumi penilaian hadisnya berdasarkan dua tunjang utama iaitu kebolehpercayaan sumber dan menentukan kebolehpercayaan tersebut melalui pengesahan. Pada asasnya, teori beliau lebih condong kepada aspek sejarah sumber hadis (Budiman, Safri & Wendry, 2020).

Mengambil kira pelbagai pendekatan yang di adaptasi di luar bidang kajian penilaian hadis, terdapat keperluan untuk memetakan tokoh-tokoh hadis dari segi pendekatan dalam penilaian yang digunakan. Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan untuk memperincikan sarjana hadis serta pendekatan yang diaplikasikan dalam menilai sesebuah hadis.

## Metodologi Kajian

Penyelidikan ini adalah kajian kualitatif dengan menggunakan kaedah pengumpulan data melalui kajian kepustakaan. Kajian ini melakukan penelitian menggunakan sumber sekunder iaitu buku-buku dan bahan bacaan berautoriti. Kaedah kualitatif merujuk kepada prosedur penyelidikan yang menghasilkan data deskriptif dalam bentuk perkataan bertulis, teks atau catatan lisan daripada individu dan tingkah laku yang dapat diperhatikan. Data yang digunakan dalam kajian ini diperoleh daripada pelbagai artikel jurnal, buku, hasil kajian, dan sumber-sumber literatur lain yang mengkaji pendekatan-pendekatan interdisiplin dalam aspek penilaian hadis. Data yang dikumpulkan akan diproses dan dianalisis secara deskriptif untuk memberikan gambaran menyeluruh tentang bagaimana sarjana hadis menilai hadis menggunakan pendekatan interdisiplin.

## Hasil Kajian dan Perbincangan

### (a) Pendekatan *Fuqahā' Uṣūliyyūn* dalam Penilaian Hadis

Para *fuqaha'* (ulama fiqh tidak mensyaratkan ketiadaan *syāz* dan *'illah* sebagai syarat kesahihan hadis. Ibn Daqiq al-'Id (702H) berpendapat:

*"Kesahihan hadis dalam pendekatan uṣūl al-fuqahā' dan al-uṣūliyyūn itu berdasarkan keadilan al-rawi dalam perkataan dan perbuatannya, disertai kesengajaan di sisi lain, keadilan hanya disyaratkan dalam isu persaksian, sebagaimana yang ditetapkan oleh ahli fiqh. Oleh itu, sesiapa sahaja yang tidak menerima mursal dari perawi yang adil, mereka dianggap sebagai musnid. Para muhaddisin menambahkan syarat harus bebas dari *syāz* dan *'illah*, namun syarat ini masih menjadi pertimbangan di kalangan fuqahā".*

Oleh kerana itu, para *fuqaha'* mengkaji pembahasan *ta'wil* (menyimpangkan makna asal ke makna lain) untuk menghilangkan *fuqaha'* hadis. Jika tidak wujud *ta'wil*, maka banyak hadis yang di dalamnya mengandungi *'illah* (Bazmul, 2019). Dalam menjawab rumusan masalah, hasil penelitian harus disimpulkan secara eksplisit. Penafsiran terhadap penemuan dilakukan dengan menggunakan logika dan teori-teori yang ada. Penemuan lapangan perlu diintegrasikan atau dikaitkan dengan hasil penelitian dan teori sebelumnya.

Perbezaan pandangan ini memberikan konsekuensi kepada sudut pandang madrasah *fuqahā'* dalam melakukan *tashīḥ* (pengesahan) hadis. Secara ringkas, kumpulan ini hanya menetapkan empat komponen yang menggariskan dua syarat berkaitan dengan perawi dan dua syarat lain berkaitan dengan teks (*marwi*). Pertama, '*adālah al-ruwāh*' (integriti perawi) dianggap penting malah para *fuqahā'* dan *muhaddithin* bersetuju bahawa syarat ini memerlukan perawi sebagai seorang Muslim yang beramal dan mencapai umur dewasa pada masa menerima hadis tersebut (*adā*). Namun begitu, ahli fiqh mempunyai pandangan yang lebih mudah dalam menilai kualiti '*adālah al-ruwāh*'. Sebagai contoh, madrasah mazhab Hanafi masih menerima riwayat daripada mereka yang dituduh *bid'ah* dan *ahl al-ahwā'*, selagi mereka tetap jujur dan boleh dipercayai. Kumpulan ini juga menerima hadis yang dikelaskan sebagai *Mastūr* (perawi tersembunyi) dan *majhūl al-hāl* (tidak diketahui keadaannya) bahkan mengambil riwayat daripada perawi berstatus *majhūl al-'ain* (tidak diketahui identitinya) (Shabbah, 1998).

Komponen kedua pula ialah *dabṭ al-rāwi*. Ulama fiqh dan hadis berbeza pendapat mengenai batasan keraguan (*wahm*) dan kesilapan (*ghalat*) seorang perawi. Prinsip fuqaha masih memberikan kelonggaran terhadap seorang perawi yang kerap melakukan kesilapan sekiranya kebenaran yang dibawa melebihi kesilapannya. Namun, apabila perbandingan kesilapan dan kebenarannya adalah sama, pendapat jumhur fuqaha menolak riwayat tersebut walaupun terdapat pendapat yang masih menerima (Shabbah, 1998). Kelompok Hanafi juga membahagikan *dabṭ al-rāwi* menjadi dua jenis iaitu *dabṭ al-nāqis* dan *dabṭ al-kāmil*. *Dabṭ al-nāqis* diukur dengan kriteria hafalan yang berkesinambungan dan pemahaman terhadap bahasa. Pendapat ini dikaitkan dengan Imam Malik dan Abu Hanifah. *Dabṭ al-kāmil*, di sisi lain dideskripsikan sebagai pemahaman perawi terhadap makna fiqhiyah. Parameter ini digunakan untuk memberikan keutamaan kepada perawi yang faqih dibandingkan dengan yang tidak faqih (Shabbah, 1998).

Komponen ketiga yang ditekankan ialah *ittiṣāl al-sanad* (kesinambungan sanad). Menurut fuqaha, kesinambungan sanad diperlukan untuk penerimaan (*adā'*) hadis dan kesinambungan ini harus dilalui oleh perawi. Oleh itu, fuqaha masih menerima riwayat *mursal* selagi hadis tersebut diriwayatkan oleh seorang perawi yang dipercayai (*siqah*). Ulama Kufah juga menerima dan menggunakan sebagai hujah hadis-hadis yang *tadlīs* (diriwayatkan dengan menghilangkan seorang perawi) oleh perawi yang dipercayai (Shabbah, 1998).

Akhir sekali, *al-salāmah min al-'illah al-qadīḥah* (bebas dari kecacatan yang buruk). Menurut fuqaha, terdapat tiga jenis '*illah*' (kecacatan) dalam hadis. Pertama, '*illah*' yang disepakati oleh fuqaha secara utuh manakala, yang kedu ialah '*illah*' menurut mazhab Maliki dan jenis ketiga ialah '*illah*' menurut mazhab Hanafi (Shabbah, 1998).

i) *Illah* Hadis Menurut Hanafiyyah

Kategori *illah* ini digunakan oleh mazhab Hanafi terhadap kategori hadis *Ahad*. Terdapat lapan hal yang ditekankan dalam perbincangan ini iaitu:

- a) Perawi mempunyai perbezaan dalam mempraktikkan teks sesebuah hadis. Sebagai contoh, hadis tentang mencuci bekas jilatan anjing yang disebutkan seharusnya dicuci tujuh kali basuhan tetapi Abu Hurairah r.a mengeluarkan fatwa bahawa ia memadai dicuci hanya tiga kali;
- b) Hadis '*umūm al-balwā*' (kesulitan umum). Sebagai contoh, penolakan mazhab Hanafi terhadap hadis "*Barang siapa yang menyentuh alat kelaminnya harus berwudhu.*" Meskipun riwayat tersebut dianggap sahib oleh pandangan lain, namun ia tidak berada dalam kategori *masyhur* dan *mutawatir*;
- c) Mazhab Hanafi menganggap hadis *Ahad* yang melibatkan masalah *hudūd* (hukuman yang ditetapkan) dan *kaffarah* (penebusan) sebagai '*illah*';
- d) Apabila salah satu dari dua sahabat Rasulullah SAW yang memiliki pendapat yang berbeza dalam meninggalkan hadis tersebut;
- e) Dengan kehadiran seorang ulama salaf yang menilai hadis tersebut;
- f) Wujud penyimpangan daripada amalan yang telah ditetapkan oleh para sahabat dan *tabi'in* tanpa menentukan wilayah tertentu;
- g) Wujud penambahan hukum dalam hadis melebihi apa yang disenaraikan dalam al-Qur'an;
- h) Hadis tersebut bertentangan dengan *qiyyās* (analogi) (Shabbah, 1998).

Selain itu, jika terdapat pertentangan di antara hadis *Ahad* dan *qiyās* (penalaran analogi), mazhab Hanafi memberikan keutamaan kepada hadis *Ahad*. Begitu juga dengan kebanyakan ulama seperti Imam Ahmad dan Imam Shafi'i yang mengikuti pendekatan yang sama. Sebaliknya, Imam Malik memberikan keutamaan kepada *qiyās* daripada hadis *Ahad*, kecuali dalam empat situasi: mencuci bekas yang dijilat oleh anjing, hadis *muṣahharrah*, hadis *'araya*, dan hadis *qur'ah* (Nugraha & Sulfinadia, 2020).

#### *ii) Perbezaan Pandangan Muhaddiṣīn dan Fuqahā'*

Secara praktikal, *fuqahā'* mengkategorikan hadis kepada dua jenis: *ma'mūl bihī* (dapat dipraktikkan) dan *ghairu ma'mūl bihī* (tidak dapat dipraktikkan) (Muhammad Majdi, 2020). *Fuqahā'* tidak membahagikan hadis menjadi *ṣaḥīḥ liż-żatihi*, *ṣaḥīḥ lighairihi*, *hasain* atau *hasan lighairihi*. Bahkan, pada masa tabi'in, hadis *ṣaḥīḥ* sinonim dengan hadis *ma'mūl bihī*. Ilustrasi yang sederhana dapat dilihat dalam klasifikasi *muhaddithīn*, di mana hadis *Ma'mūl bihī* termasuk dalam kategori yang ditentukan oleh *fuqahā'* (Shabbah, 1998).

<i>Fuqahā'</i>	<i>Muhaddiṣīn</i>
<i>Ma'mūl bihī</i>	<i>Sahih Li Dzatihi</i>
	<i>Sahih Li Ghairihi</i>
	<i>Hasan li Ghairihi</i>
	<i>Hasan li Dzatihi</i>
	<i>Mursal Ts iqah (munqathi' di mana-mana peringkat)</i>
	<i>Syad</i> menurut Muhaddisin yang memungkinkan <i>di-jam'u</i>
	<i>Illah</i> menurut Muhaddisin, bukan <i>Fuqaha'</i>
	<i>Mu'an'an Mudallis al-Ts iqah</i>
	<i>Ziyadah al-Ts iqah</i>

Dalam masalah '*adālah al-ruwāh fuqahā'* *uṣūliyyūn* memberikan pandangannya (Muhammad Majdi, 2020).

<b>Mazhab</b>	<b>Deskripsi 'adalah al-ruwah'</b>
Hanafiyah	<i>Ijtinab al-Kaba'ir ma'a 'Adam al-Israr 'ala al-Sagħa'ir, wa an Yakuna Shalahu hu Akstaru min Fasadihi</i> (menjauhi dosa besar dan dosa kecil yang terus-menerus, kesolehannya lebih banyak dari pada keburukannya)
Malikiyah	<i>Al-Muhafadzah al-Diniyyah 'ala Ijtinab al-Kaba'ir wa Tauqi al-Sagħa'ir wa Ada' al-Amanah wa Husn al-Mu'amalah Laisa Ma'aha Bid'ah</i> (terjaga agamanya untuk menjauhi dosa besar dan dosa kecil, menjalankan amanah, muamalah bagus dan bukan pelaku bid'ah)
Syafi'iyyah	<i>Hai'ah Rasikhah Tahmilu Shahibuhā 'ala Muhanabah al-Muknkirat wa Mulazamah al-Taqwa wa al-Muru'ah, hatta Tahsulu Ts iqah al-Nufus bi Sidqihi ma'a Ijtibab al-Kaba'ir wa al-Sagħa'ir</i> (menjauhi kemungkaran dan

bersambung

	terus melakukan ketakwaan dan kewibawaan menjauhi dosa besar dan kecil)
Hanabilah	<i>Istiwa' Ahwalihi fi Dinihi, wa I'tidali Aqwalihī wa Af'alihī</i> (keserasian perilaku keagamaan serta diselaraskan dengan perkataan dan perbuatan)

Salah satu contoh perbezaan dalam pandangan mengenai penilaian matan hadis antara *muhaddiṣīn* dan *fuqahā'* boleh dilihat dalam kajian Mohammad Bakir yang membincangkan perbezaan pendekatan metodologi terhadap penilaian matan hadis oleh *muhaddiṣīn* dan *fuqahā'*. Secara ringkas, dapat dilihat bahawa *muhaddiṣīn* memberikan penilaian yang lebih terperinci terhadap matan hadis berbanding dengan para *fuqahā'* (Bakir, 2018).

### (b) Pendekatan Sejarah dalam Penilaian Hadis

Dalam proses membentuk sejarah, sejarawan berpandukan kepada empat tahap. Tahap pertama ialah heuristik yang melibatkan pencarian sumber sejarah di pelbagai tempat seperti muzium, perpustakaan, arkib dan sebagainya. Kedua, sumber-sumber tersebut diuji melalui penilaian luaran dan dalaman untuk menentukan fakta. Ketiga, fakta-fakta ini disusun rapi untuk membentuk satu kesimpulan dan akhir sekali proses historiografi iaitu penulisan sejarah untuk menyusun fakta-fakta menjadi naratif sejarah. Menurut Afwadzi (2017), sejarah tidak dapat dipisahkan daripada unsur subjektif sejarawan. Sejarah dicipta oleh manusia berdasarkan warisan masa lalu. Oleh itu, manusia adalah subjek manakala fakta dan warisan adalah objek. Walau bagaimanapun, tidak kira sejauh mana objektiviti digunakan, ia akan terlindung dengan subjektiviti manusia sebagai pelaku sejarah.

Beberapa kajian yang menggunakan pendekatan sejarah dalam penilaian hadis memberi tumpuan kepada dua aspek. Pertama, ia berkaitan dengan kedudukan sahabat Nabi SAW manakala, yang kedua melibatkan penilaian terhadap matan hadis. Pendekatan sejarah dalam penilaian hadis telah digunakan oleh sarjana hadis untuk menunjukkan bahawa hadis tersebut benar-benar dari Rasulullah SAW. Dalam hal ini, peneliti membincangkan dua tokoh yang cenderung menggunakan pendekatan sejarah dalam penilaian mereka iaitu Sadah Ghumariyyin (keluarga al-Ghumari) dan Jonathan A.C. Brown.

#### 1. Pendekatan *Sādah al-Ghumāriyyīn*

Hadis disampaikan dalam jangka masa yang cukup panjang meliputi tiga abad atau lebih dan melibatkan banyak individu yang menyampaikannya melalui ratusan ribu perawi. Oleh itu, penyelidikan mengenai kesinambungan atau terputusnya *sanad* tidak boleh berdasarkan logik semata-mata tetapi harus bergantung pada data empirikal sejarah. Data ini memainkan peranan penting dalam menghubungkan sinergi antara hadis dan dokumentasi (Idri, 2015).

Salah satu pendekatan sejarah yang pernah digunakan oleh Ibn al-Jauzy dalam menilai hadis riwayat Buraidah yang menyatakan bahawa Rasulullah bersabda: “*Pada masa awal tahun seratus, Allah menyebarkan angin dingin yang menyebabkan ruh-ruh setiap mukmin diambil.*” Hadis tersebut bertentangan dengan fakta sejarah kerana pada abad 100H tidak terjadi angin dingin yang menyebabkan kematian umat Islam. Oleh yang demikian, data sejarah dapat dijadikan sebagai asas penilaian hadis. Kebenaran data sejarah dapat dipercayai kerana ia berdasarkan bukti fizik berkaitan keadaan, perkembangan dan pengalaman di masa lampau (Idri, 2015).

Demikian juga, pendekatan ini turut digunakan oleh ulama keluarga Al-Ghumary, yang dikenal sebagai *sādah al-ghumāriyyīn*. Mereka adalah keturunan Muhammad Ibn Manshur al-Ghumari dan telah menghasilkan karya-karya yang mendalam di bidang hadis. Di antara mereka adalah Ahmad, Abdullah, Zamzami, Abdul Hay, Abdul Aziz, Hasan dan Ibrahim. Mereka telah menulis berbagai karya tentang cabang hadis. Berikut adalah pendekatan sejarah yang dilakukan oleh al-Ghumary, Ahmad ibn Shiddiq terhadap hadis “*man 'asyiqā fā 'affā fā katāma, fā māta fā huwa syahid*” (hadis palsu). Imam Ahmad menolak bahawa penilaian (*jarh*) oleh Imam an-Nasa'i terhadap salah satu perawinya, Suwaid ibn Sa'id didasarkan pada penilaian peribadi tetapi hanya melihat kepada pernyataan Ibn Ma'in. Ahmad menolak penilaian Ibnu Ma'in dan menolak penilaian Imam al-Nasa'i terhadap Suwaid (al-Ghumari, 1996). Ahmad dilihat dalam keadaan ini hanya mengikut catatan al-Nasa'i tentang Suwaid Ibn Sa'id dengan merujuk kepada sumber data yang direkodkan oleh Imam al-Nasa'i sahaja.

Selain itu, al-Hakim dalam *Tārīkh al-Naisabūr* menyatakan bahawa hadis di atas hanya diriwayatkan oleh Suwaid Ibn Sa'id sahaja. Bahkan, Abu al-Faraj Ibn al-Jauzi menyertakan hadis ini dalam *al-Mauḍū'āt*. Pernyataan al-Hakim tersebut dikukuhkan lagi oleh Ahmad Ibn Shiddiq melalui naskah *al-Mauḍū'āt* itu sendiri. Malah, ketika mengamati teks *al-La 'ālī' al-Masnū'āh*, Ahmad menyatakan bahawa tidak ada seorang huffāz pun yang menyebutkan bahwa hadis tersebut ditulis oleh Ibn al-Jauzi dalam *al-Mauḍū'āt* (Al-Ghumari, 1996). Ini menunjukkan bahawa pengesahan Ahmad terhadap ketiadaan teks hadis dalam *al-Mauḍū'āt* juga disahkan oleh ulama lain.

## 2. Pendekatan Jonathan Brown

Jonathan Andrew Cleveland Brown memperkenalkan *three tired method* (kaedah tiga peringkat) sebagai teori yang digunakan dalam menilai hadis. Dalam teorinya, Brown menggariskan tiga perkara antaranya yang pertama ialah *Isnad (Demanding a Sources)*. Perkara kedua ialah penilaian kebolehpercayaan sumber (*Critical Sources*) dan hal ketiga ialah mencari pengukuhan sumber (*Seeking Corroboration of the Sources*) (Budiman, Safri & Wendry, 2020). Ketiga-tiga peringkat ini masih berada dalam ruang lingkup pendekatan sejarah kerana prosedur tersebut memerlukan penilai untuk menyediakan dokumen-dokumen yang menyokong pengesahan hadis.

### i. Kaedah Isnad

Dalam kaedah *Demanding a Sources* (tuntutan *isnad*), Brown melampirkan penilaian hadis bermula dari tempoh pertama hingga ketujuh yang diklasifikasikan pada tiga tempoh waktu. Jangka masa pertama bermula pada abad ke-100-200H/720-820M dan ia menghimpun tiga generasi. Generasi pertama terdiri daripada al-Zuhri dan al-A'mash. Selanjutnya generasi kedua pula disebutkan lima penilai utama (*primary critics*), iaitu Syu'bah, al-Tsauri, al-Awzā'i, Mālik dan Ibn 'Uyaina. Kemudian, kategori *lesser critics* iaitu Ibn Jurayj, Hammād Ibn Salāmah, al-Laits Ibn Sa'ad, Hammad ibn Zaid dan Husyaim ibn Baṣīr. Manakala penilai utama pada generasi ketiga ialah Ibn al-Mubārak, Wakī' Ibn Jarrah, Yaḥyā al-Qattān dan 'Abd al-Rahmān ibn Mahdī. Turut dikelaskan penilai pasif di generasi ini adalah al-Syāfi'i, Abū Mušīr dan 'Abd al-A'lā b. Mušīr.

Seterusnya, tempoh waktu kedua yang bermula pada abad ke-200-300 H / 820-910M dilanjutkan oleh generasi keempat dan kelima. Pada generasi keempat, muncul nama-nama seperti Ibn Ma'in, Ali Ibn al-Madini dan Ahmad Ibn Hanbal sebagai penilai hadis utama, sementara sebagai penilai sekunder adalah Ibn Numayr, Abu Khaytsama, Ibn Abi Shayba, Ibn

Rahawayh dan Abu Hafs al-Fallas. Pada generasi kelima, nama-nama terkenal muncul sebagai penilai utama seperti al-Bukhari, Abu Zur‘ah, al-Razi dan Abu Hātim al-Razi. Manakala antara penilai sekunder di generasi ini pula adalah al-Jurjani, Muslim ibn al-Hajjaj dan al-Nasai’.

Period ketiga (300-400 H/910-1010 M) terdapat dua generasi, generasi keenam dan ketujuh. Pada generasi keenam, penilaian utama lebih sedikit dari generasi-generasi sebelumnya. Hanya dua nama yang dicatat oleh Lucas, yaitu Ibn Abī Ḥātim al-Rāzī, dan Ibn ‘Adī. Sedangkan untuk penilai pasif adalah al-‘Uqaylī dan Ibn Ḥibbān. Untuk generasi ketujuh hanya diisi oleh penilai utama saja iaitu Abū al-Fath al-Azdī, Daruquthnī dan al-Hakīm al-Naysābūrī.


### *ii. Kebolehpercayaan Sumber*

Pada langkah ini, Brown melengkapi dengan penerangan dua aspek terkait iaitu: penilaian periwayat (*transmitter evaluation*) dan kebersambungan sanad (*contiguity of transmission*). Proses ini dilakukan berdasarkan dua kriteria iaitu yang pertama, menilai karakter, akidah dan kesolehan perawi untuk menentukan integriti diri mereka. Kriteria kedua yang jauh lebih penting adalah menyemak matan hadis yang dibawa oleh perawi berkenaan sama ada tepat atau sebaliknya.

### *iii. Pengukuhan Sumber*

Ini merupakan langkah terakhir dalam kaedah penilaian hadis yang dinyatakan oleh Brown. Bukti penguat sebuah hadis terdapat dalam dua bentuk umum. Pertama, *syāhid* (*witness*) iaitu sebuah hadis yang disampaikan secara lafaz dan makna atau secara makna saja yang sanadnya berbeza pada peringkat para sahabat. Manakala yang kedua, *mutāba‘a* (*parallelism*) iaitu ketika seorang periwayat menguatkan sebuah riwayat yang disampaikan oleh periwayat lain dan keduanya mendengar dari sumber yang sama.

Keterangan pada langkah ketiga iaitu “*look for corroboration of the sources*” dikatakan oleh Brown adalah yang paling penting dalam menilai hadis. Kuantiti riwayat akan berubah ke arah kualiti hadis tersebut yang bermaksud semakin banyak sumber riwayat hadis maka, muncul kebolehpercayaan dalam sesebuah hadis. Dalam penilaian pensejarahan Barat, hal ini disebut kriteria pengesahan berganda (*the criterion of multiple attestation*) (Budiman, Safri & Wendry, 2020).



Rajah 1: Three-Tiered Method

### (c) Penilaian Hadis melalui Pendekatan Sains-Rasional

Al-Idlibi memberikan penjelasan bahawa penilaian sanad hadis telah dipastikan sejak zaman sahabat Rasulullah SAW dan terus berkembang dengan adanya pelbagai tulisan yang membincangkan metodologi dan sistem yang tersusun dalam menilai sanad hadis. Ini berbeza dengan penilaian matan hadis di mana pada waktu itu tulisan atau literatur kajian yang komprehensif mengenai perkara tersebut masih belum wujud (Khusein, 2023). Al-Idlibi menjelaskan penilaian matan pada awalnya tidak dikaji secara khusus sebagaimana penilaian sanad. Namun dalam melakukan penilaian sanad ulama telah melakukan penilaian matan hadis.

Al-Idlibi menyatakan kepentingan menetapkan kriteria untuk penilaian matan hadis. Ini disebabkan oleh fenomena yang meluas tentang pemalsuan hadis dengan pelbagai motif dan sebab. Ini mendorong kepada perlunya menguji setiap riwayat yang dikaitkan dengan Nabi Muhammad SAW untuk menentukan keasliannya (al-Ma’arif, 2015). Oleh itu, al-Idlibi berpendapat bahawa menetapkan kriteria untuk penilaian matan hadis dianggap perlu dan penting sebagai bentuk langkah pencegahan penyampaian hadis yang kurang berhati-hati atau berlebihan, mengesan kesalahan dalam penyampaian serta menghadapi usaha musuh-musuh Islam dalam pemalsuan hadis dengan menggunakan sanad yang sahih tetapi matan yang palsu (al-Idlibi, 2013).

Dalam kitabnya, al-Idlibi menjelaskan bahawa melalui metodologi penilaian matan hadis, sebuah hadis boleh dianggap sahih apabila memenuhi beberapa syarat. Antara syarat-syarat tersebut adalah tidak bertentangan dengan petunjuk al-Quran, tidak bertentangan dengan hadis sahih, tidak bertentangan dengan akal, pancaindera dan fakta sejarah, serta tidak menyerupai perkataan ulama khalfah yang mengandungi kekaburuan, makna yang rendah dan lebih menyerupai perkataan manusia (al-Idlibi, 2013).

Penulis akan memberi tumpuan kepada kriteria ketiga iaitu tidak bertentangan dengan akal yang sihat. Ini merujuk kepada akal yang diterangi oleh pengetahuan al-Quran dan hadis sahih, manakala tidak bertentangan dengan pancaindera yang bermaksud tidak bercanggah dengan realiti yang wujud atau kejadian biasa. Namun, ini tidak bermakna bahawa apa yang

datang daripada Rasulullah SAW harus dapat dirasai oleh pancaindera. Sementara itu, ia perlulah tidak bertentangan dengan fakta sejarah yang telah terbukti kebenarannya. Oleh itu, terdapat beberapa hadis yang telah dinilai sahih atau bahkan termasuk dalam koleksi hadis Sahih, tetapi beberapa ulama kemudian melemahkan hadis-hadis tersebut kerana dianggap bertentangan dengan akal. Salah satu contohnya adalah hadis dalam Sahih Bukhari, nombor 421 mengenai matahari sujud di bawah Arsy pada malam hari. Hadis ini yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari diragukan kesahihannya oleh beberapa ulama yang menggunakan rasional sebagai kriteria dalam menilai matan. Namun, di sisi lain banyak ulama yang berpendapat bahwa hadis ini tidak bertentangan dengan akal yang sihat meskipun mereka juga menggunakan logik akal dalam menganalisis matan hadis tersebut seterusnya menerima kesahihan hadis tersebut.

Dalam penulisan *Manhaj Naqd al-Mutūn 'inda Ulamā' al-Hadīs al-Nabawi*, al-Idlibi memberikan contoh hadis-hadis yang bertentangan dengan akal dan membahagikannya menjadi dua kategori iaitu matan hadis yang terdapat dalam kitab-kitab *Sunan* dan *Musannaf* serta matan hadis yang terdapat dalam koleksi hadis palsu (*Mauḍū'at*). Salah satu hadis yang disebutkan ialah dalam Sunan Ibnu Majah, nombor 1714, mengenai puasa Nabi Nuh a.s dan wudhu Nabi Ibrahim a.s, hadis nombor 1719 yang dapat diterjemahkan sebagai berikut:

*“Dari Abi Faris, ia mendengar Abdullah bin Amr berkata, ‘Saya mendengar Rasulullah bersabda: Nuh berpuasa terus-menerus (puasa setiap hari) kecuali pada hari-hari Idul Fitri dan Idul Adha. Sesungguhnya, Nabi Muhammad berwudhu kemudian bersabda, ‘Ini adalah wudhuku dan wudhu para Nabi sebelumku, dan wudhu kekasihku Ibrahim.’”*

Menurut al-Idlibi, kedua hadis ini yang dianggap sahih menurut Sunan Ibnu Majah tidak dapat dianggap sahih berdasarkan analisis matan olehnya. Menurutnya lagi, ia tidak masuk akal untuk menyertakan aspek ibadah Islam, terutama dalam perincian hukum, seperti larangan berpuasa pada hari raya Aidil Fitri dan Aidil Adha, puasa berterusan dan praktikal wudhu sebagai tradisi para Nabi terdahulu (al-Idlibi, 2013). Salah satu penelitian yang membahas mengenai penilaian matan al-Idlibi telah dijelaskan dalam kajian Uswatun Hasanah. Disertasi tersebut merupakan sebuah penelitian kritis terhadap kriteria matan sahih bersesuaian dengan akal. Hal ini berbeza dengan pandangan al-Idlibi yang mengatakan bahawa akal tidak mampu melakukan penilaian kesahihan sebuah hadis (Hasanah, 2016).

## Kesimpulan

Pendekatan *fuqahā' uṣūliyyūn*, sejarah, dan sains-rasional mempunyai impak dan fungsi yang berbeza dalam penilaian terhadap hadis. Ini disebabkan oleh perspektif yang berbeza daripada para penilai dalam menafsirkan teks hadis. *Fuqahā' Uṣūliyyūn* melihat hadis hanya sebagai *ma'mul bihi* dan *ghairu ma'mul bihi* yang bermaksud mereka hanya memberi tumpuan kepada bagaimana hadis-hadis ini diamalkan dan dilaksanakan dalam tingkah laku ibadat umat Islam. Penilaian hadis yang dilakukan *fuqahā' uṣūliyyūn* mendapat penilaian terlalu longgar jika dibandingkan dengan pendekatan yang dilakukan oleh *muḥaddiṣīn*. Lebih-lebih lagi apabila mereka melebihkan qiyas daripada kedudukan hadis *ahad* sebagai hujjah. Di sisi lain beberapa *uṣūliyyūn* mutakhir memperketat kaedah penilaian hadis mereka serta sedikit berbeza dengan masa Abu Hanifah dan pengikutnya di madrasah Kufah. (Bakir, 2018).

Di sisi lain, ahli sejarah menganggap teks hadis sebagai dapatan sejarah yang memerlukan bukti mengenai keabsahan hadis sebagai fakta sejarah, dengan menyelidiki teks sejarah secara menyeluruh. Pendekatan ini telah digunakan oleh sarjana seperti *Sādah al-Ghumāriyyīn*, yang secara kritis menyelidiki teks klasik dan pendekatan Jonathan Brown yang menggunakan kaedah *Three Tiered Method*. Penilaian hadis dengan pendekatan sejarah ini mungkin cukup rumit, kerana melibatkan banyak catatan sejarah. Metodologi ini lebih banyak bergantung pada data yang diamati orang lain di masa lampau. Selain itu, data yang digunakan lebih banyak bergantung pada data primer dibandingkan dengan data sekunder. Malah, keabsahan data juga mesti dinilai secara dalaman dan luaran. Namun, kaedah ini mengkaji data dengan lebih teliti dan meneroka maklumat lama yang tidak diterbitkan atau yang tidak dipetik dalam bahan rujukan biasa. Keempat, sumber data hendaklah dinyatakan secara muktamad, termasuk nama pengarang, tempat dan masa. Sumber perlulah diuji kebenaran dan kesahihannya serta fakta mesti disahkan oleh sekurang-kurangnya dua saksi yang tidak berkaitan dan berhubungan (Idri, 2015). Selain itu, melalui pendekatan sejarah teks-teks hadis dapat divisualkan historiografinya setelah diuji dengan penilaian pensejarahan. Hal ini hampir sama dengan metode penilitian *tahlili* (Amrulloh, 2022).

Manakala pendekatan sains-rasional pula menegaskan bahawa makna sebuah hadis tidak boleh bertentangan dengan akal dan sains. Penilaian hadis berdasarkan sains-rasional dianggap oleh peneliti kurang mendalami aspek ‘*illah* hadis’. Pendekatan yang digunakan al-Idlibi khususnya dilihat kadangkala mengenepekan penilaian ‘*illah* hadis’ (Hasanah, 2016). Menurut Ramadhan (2020), pendekatan ini juga ditemukan pada *manhaj* yang digunakan oleh Ali Mustafa Yaqub.

## Rujukan

- Afwadzi, B. (2017). Kritik Hadis dalam Perspektif Sejarawan. *Mutawatir: Jurnal Keilmuan Tafsir Hadith*, 7(1), 50–75.
- Amrulloh, A. (2022). Metode Studi Hadis *Taḥlīlī* dan Implementasinya. *Nabawi: Journal of Hadith Studies*, 2(2), 201-235. <https://doi.org/10.55987/njhs.v2i2.49>.
- Bakir, M. (2018). Kritik Matan Hadis Versi Muhaddisin Dan Fuqaha: Studi Pemikiran Hasjim Abbas. *Samawat: Journal Of Hadith And Quranic Studies*, 2(2), Article 2. <https://jurnal.badrussoleh.ac.id/index.php/samawat/article/view/77>.
- Bazmul, M. Ibn S. (2019). تقوية الحديث الضعيف بين الفقهاء والمحذفين. QuranicThought.com. <https://www.quranicthought.com/ar/books/%d8%aa%d9%82%d9%88%d9%8a%d8%a9-%d8%a7%d9%84%d8%ad%d8%af%d9%8a%d8%ab-%d8%a7%d9%84%d8%b6%d8%b9%d9%8a%d9%81%d8%a8%d9%8a%d9%86%d8%a7%d9%84%d9%81%d9%82%d9%87%d8%a7%d8%a1%d9%88%d8%a7%d9%84%d9%85%d8%ad-2/>.
- Budiman, A., Safri, E. & Wendry, N. (2020). Studi Kritik Hadis Perspektif Jonathan A.C. Brown (Analisis terhadap Three Tiered Method). *Substantia: Jurnal Ilmu-Ilmu Ushuluddin*, 22(1), 1-20. <https://doi.org/10.22373/substantia.v22i1.6853>.

- al-Ghumari, A. I. S. (1996). *Dar' al-Dha'if*. Dar al-Musthofa. <https://archive.org/details/Benseddiq/darada3f/page/n3/mode/2up>.
- Hasanah, U. (2016). Kritik atas Metode Kritik Matan Hadis Al-Idlibi. Tesis Doktor Falsafah. Sekolah Pascasarjana Universitas Islam Negeri (UIN) Syarif Hidayatullah Jakarta]. <https://repository.uinjkt.ac.id/dspace/handle/123456789/38894>.
- al-Idlibi, S. (2013) *Manhaj naqdi al-Matan 'inda ulama al-Hadis an-Nabawi*. [http://archive.org/details/manhajnaqdmatan\\_202006](http://archive.org/details/manhajnaqdmatan_202006).
- Idri, M. (2015). *Epistemologi Ilmu Pengetahuan, Ilmu Hadis, dan Ilmu Hukum Islam*. Prenada Media.
- Khusein, A. A. (2023). History and Methodology of Matan Hadith Criticism Perspective of Salahudin Al-Idlibi. *Mudir : Jurnal Manajemen Pendidikan*, 5(2), 328-332. <https://doi.org/10.55352/mudir.v5i2.462>.
- al-Ma'arif. (2015). Rekonstruksi Metodologi Kritik Matan Hadis Salah Al-Din Ibn Ahmad Al-Idlibi. (Tesis Sarjana), Universiti Islam Negeri Sunan Kalijaga Yogyakarta.
- Maulana, A., Muhib, M. & Nurita, A. (2023). Abu Zahwu's Thoughts About The Role Of Muhibbin In Maintaining The Authenticity Of Hadith In The Third Century Of Hijri. *Kontemplasi: Jurnal Ilmu-Ilmu Ushuluddin*, 11(1), 187-210. <https://doi.org/10.21274/kontem.v11i1.8481>.
- Maulana, R. (2023). Historiografi Kodifikasi Hadis. *Al-Thiqah : Jurnal Ilmu Keislaman*, 6(1), 1-17. <https://doi.org/10.56594/althiqah.v6i1.86>.
- Muhammad Majdi as-Sofuri (2020). *Tashih al-Hadis 'inda al-Usuliyyin*. <https://doi.org/10.21608/bfrt.2021.56077.1017>.
- Nasution, N., Mahesa, F. & Dalimunthe, A. Q. (2023). Hadist Ditinjau Dari Penisbatannya. *Adabiyah Islamic Journal*, 1(2), 129-140.
- Nugraha, R. A. & Sulfinadia, H. (2020). Ushul Mazhab Hanafi dan Maliki: Kehujahan Khabar Ahad dan Qiyas serta Impilkasinya dalam Penetapan Hukum. *IJTIHAD*, 36(1), 59-76. <https://journals.fasya.uinib.org/index.php/ijtihad/article/view/12>.
- Ramadhan, M. R. S. (2020). Metode Kritik Hadis Ali Mustafa Yaqub; Antara Teori Dan Aplikasi. *Nabawi: Journal of Hadith Studies*, 1(1), 23-44. <https://doi.org/10.55987/njhs.v1i1.5>
- Shabbah, A. K. I. (1998). *Al-Hadis al-Sahih wa Manhaju Ulama' al-Muslimin fi al-Tashih*. Maktabah al-Rasyad.

Tambak, S. P. & Khairani, K. (2023). Kualitas Kehujahan Hadis (Sahih, Hasan, Dhaif). *Tarbiatuna: Journal of Islamic Education Studies*, 3(1), 117-128. <https://doi.org/10.47467/tarbiatuna.v3i1.2663>.

Ulum, B. (2022). Rekonstruksi Metode Kritik Hadis Dengan Paradigma Interdisipliner. *Kordinat: Jurnal Komunikasi antar Perguruan Tinggi Agama Islam*, 21(1), 117–135. <https://doi.org/10.15408/kordinat.v21i1.27672>.